

13 AUG 2003

Mahathir-Iraq

PSAUKAN PBB PATUT AMBIL ALIH KAWALAN DI IRAQ, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mokhtar Hussain

ALGIERS, 13 Ogos (Bernama) -- Malaysia berpendapat situasi di Iraq dapat diperbaiki sekiranya pasukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dibenarkan mengambil alih kawalan di negara itu dan memberi laluan bagi pilihan raya diadakan untuk membentuk kerajaan baru.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata agak jelas bahawa rakyat Iraq menentang pendudukan pasukan tentera Amerika Syarikat dan British.

"Adalah lebih baik sekiranya pasukan tentera itu digantikan oleh pasukan PBB. Susulan daripada itu, rakyat Iraq patut dibenarkan menjalankan hak mereka untuk memilih kerajaan mereka sendiri.

"Siapa pun yang mereka pilih untuk menjadi kerajaan mereka, ia mesti diterima oleh dunia walaupun sekiranya seluruh dunia tidak sukakan kerajaan baru yang telah mereka pilih," katanya semasa menjawab soalan pada sidang media pada Selasa pada akhir lawatan rasmi tiga hari beliau ke Algeria.

Pada jamuan negara yang dianjurkan oleh Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika pada Isnin malam, Dr Mahathir ketika berucap berkata Iraq kemungkinan besar akan menjurus kepada anarki kecuali PBB mengambil alih sepenuhnya kawalan di negara itu.

Selepas lawatan di sini, Dr Mahathir akan menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) di Swaziland sebelum berlepas ke Damsyik pada Sabtu dan pada pertemuan beliau dengan Presiden Syria Dr Bashar Al-Assad, kedua-dua pemimpin dijangka akan membincangkan isu yang sama.

Perdana Menteri juga berkata pencerobohan dan pendudukan Iraq telah dikenal pasti sebagai satu daripada dua punca utama bagi tindakan keganasan di samping isu Palestin.

Beliau mengulangi bahawa sehingga punca yang menyebabkan keganasan disingkirkan, keganasan akan terus berlaku.

Ditanya apa yang boleh dijangkakan daripada Sidang Kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) Ke-10 di Malaysia pada Oktober, Dr Mahathir berkata negara anggota OIC patut bekerjasama untuk mendesak PBB dan negara kuasa besar lain untuk menghapuskan punca keganasan.

Beliau berkata OIC sepatutnya dapat memebrikan gambaran yang jelas kepada dunia mengenai Islam dan memastikan dunia faham bahawa Islam menentang keganasan.

Dr Mahathir juga menyambut baik cadangan menubuhkan Pusat Kajian dan Penyelidikan Afrika bagi Keganasan di Algeria, sambil menyatakan ia patut bertukar-tukar maklumat dan pendekatan dalam mengendalikan keganasan dengan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Menangani Keganasan yang telah ditubuhkan di Kuala Lumpur.

Mengenai lawatan beliau ke sini, Dr Mahathir berkata beliau telah mengadakan perbincangan panjang lebar dengan Presiden Bouteflika yang memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin lebih memahami negara masing-masing dan mengenal pasti bidang kerjasama antara kedua-dua negara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata perkara itu patut disusuli dengan perbincangan di peringkat menteri dan pegawai kanan.

Kepada soalan wartawan Algeria, Dr Mahathir berkata ketidakseimbangan perdagangan yang kini memihak kepada Malaysia boleh diperbaiki kerana terdapat banyak barangan dan produk yang dikenal pasti dapat dipasarkan di Malaysia.

"Saya dapati anda mempunyai marmar yang amat baik dan batu-batuan lain yang saya fikir dapat dipasarkan dengan mudah di Malaysia. Selain itu, saya

juga agak pasti bahawa terdapat produk makanan dan pelbagai produk lain yang kami ingin import ke Malaysia," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa cadangan penubuhan bank Malaysia di Algeria ialah bagi memudahkan perdagangan antara syarikat-syarikat Malaysia dan rakan mereka di Algeria.

Beliau berkata syarikat Malaysia juga patut berkongsi pengalaman mereka dalam pelbagai bidang terutamanya dalam projek pembinaan dan penswastaan.

Sebelum sidang media itu, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bagi pertukaran maklumat antara agensi berita Malaysia, Bernama dan agensi berita Algeria, Algerie Presse Service (APS).

Bernama diwakili Pengurus Besar Datuk Syed Jamil Jaafar manakala APS oleh Ketua Pengarah Nacer Mehal.

Terdahulu pada Dialog Perniagaan Malaysia-Algeria, Dr Mahathir menerima tepukan gemuruh daripada masyarakat perniagaan Algeria semasa beliau menjawab soalan para peserta mengenai Islam dan modenisasi.

Semasa melahirkan rasa terhutang budi dan penghargaannya kepada Dr Mahathir, seorang peserta menyifatkan beliau sebagai seorang pemimpin Islam yang dihormati yang sentiasa lantang mempertahankan Islam.

"Semoga Allah Memberkati Anda," katanya.

Berhubung perkara itu, Dr Mahathir menegaskan perlunya bagi umat Islam untuk belajar sebanyak pengetahuan yang boleh terutamanya sains dan matematik sebelum mereka dapat mempertahankan agama dan ummah.

"Hari ini, kita tidak lagi boleh mempertahankan diri kita sendiri dengan menggunakan busur dan panah (seperti pada zaman Nabi (Muhammad S.A.W)), " katanya.

-- BERNAMA

MOK MFJ RHM